



LAPORAN IMPAK ARBA FOUNDATION

Meredah gelora pandemik

2019 - 2021



Dengan kerjasama:



ARBA



FOUNDATION

ARBA Foundation

K-3-01, Conezion,
Persiaran IRC3, IOI Resort City,
62502, Putrajaya

 ARBA Foundation

 @arbafoundation

  +60 19 452 6290

 www.arbafoundation.com

 @arbafoundation1

 @arbafoundation

PROFIL TIM



Azlan Shah Nabees Khan
CEO



Najah Khalid
Project Management



'Uzma Tahir
Project Management



Faradine Nordin
Media & Branding



Afiqah Izzati Zawawi
Project Management



Hadi Pami
Social Media



Fraja B.
Creative & Branding

PENGASAS



Ammar Roslizar
CEO, Yezza Tech



Ammar Sahrin
CEO, Celsius Coffee



Dr. Wan Mohd Aizuddin
CTO, Yezza Tech



Amiruddin Hamidun
CEO, ARBA Travel

PEMEGANG AMANAH



Datuk Dr. Mohd Daud Bakar
Pengerusi,
Majlis Penasihat Syariah
Bank Negara Malaysia



Ahmad Naim Jaafar
Pengasas,
Foresight Academy



Ammar Roslizar
CEO, Yezza Tech

ISI KANDUNGAN

Profil Tim	4
Pengasas	5
Minda CEO	6
Matlamat	7
Prinsip	9
Model Operasi	10

Projek Susu Ibu	
i. Data dan rekomendasi	12
ii. Operasi	13
iii. Portal	15
iv. Pandemik Covid-19	17
v. Impak	18
vi. Bantuan Tambahan	29

Malaysian Parenting Forum	
i. Objektif	22
ii. Impak	24

Projek Infak Ramadan	
i. Masalah	26
ii. Projek	27
iii. Dapatan	28

Projek Bantuan Keluarga Susah	
i. Masalah	30
ii. Projek	31
iii. Pengenalan Projek	32
iv. Taburan Penerima bantuan	33
v. Profil Penerima Bantuan	34

Projek Bantuan Kecemasan Sabah	
i. Masalah	38
ii. Operasi	40
iii. Impak	41

Projek Bantuan Peranti	
i. Teras Operasi	45
ii. Impak	46

Projek Infaq Ramadhan 2.0	
i. Masalah	48
ii. Profil Penerima	50
iii. Impak	52

Projek Bendera Putih	
i. Data	54
ii. Masalah	55
iii. Operasi	56
iv. Jumlah Taburan Penerima	57
v. Julat Pendapatan Penerima	58
vi. Impak	59

Projek Bantuan Frontliners	
i. Masalah	61
ii. Dana dan projek	62
iii. Impak	63

Projek Bantuan Keluarga Susah 2.0	
i. Data	65
ii. Projek	66
iii. Profil Penerima Bantuan	67
iv. Kesihatan	69
v. Taraf Hidup	70
vi. Impak	71
vii. Corak Perbelanjaan	72

Penilaian Penerima Bantuan Kerjasama dan Pendukung	73 75
---	----------

MINDA CEO

ARBA Foundation bermula dengan niat dan semangat untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Kami bermula dengan rasa ingin tahu yang tinggi, apakah sebenarnya realiti disebalik nombor dan statistik tentang kemiskinan yang dilaporkan saban tahun.

Kami tidak mahu hadir sekadar untuk mencadangkan solusi-solusi tertentu yang hanya berdasarkan perbincangan di hotel-hotel mewah atau seminar-seminar besar yang terputus daripada realiti sebenar masyarakat. ARBA Foundation juga tidak mahu menjadi sebuah entiti yang hanya mengutip dan mengagihkan sumbangan tanpa usaha merawat akar permasalahan.

Kami mahu faham dan hayati bagaimana sebenarnya psikologi dan kisah-kisah kehidupan rakyat Malaysia yang bergelut dengan kemiskinan. Untuk itu, kami percaya kita mesti turun dengan tulus (genuine), mengakar (rooted) dalam usaha mencari solusi yang dihargai bersama (mutually valued solutions) dan mengusahakan inisiatif yang berimpak tinggi (impactful).

Laporan Impak ARBA Foundation 2019-2021 ini mendokumenkan sebahagian usaha dan proses explorasi tersebut, beberapa buah projek yang telah disempurnakan dan ada yang masih berjalan, semuanya telah membantu kami memahami isu kemiskinan dengan lebih mendalam, lebih-lebih lagi pada ketika negara dilanda pandemik dan dibawah perintah kawalan pergerakan.

Walaupun terdapat pelbagai alasan yang boleh diberikan untuk berputus asa dan berhenti kerana masalah kemiskinan begitu rumit dan besar, namun sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh begitu ramai rakan-rakan di luar sana terhadap usaha-usaha ARBA Foundation memberikan dorongan kepada kami untuk terus bersikap optimis dan menggiatkan lagi usaha membantu lebih ramai, khususnya keluarga dan golongan kanak-kanak yang terperangkap di dalam kitaran kemiskinan yang kejam di Malaysia. Dukungan berterusan anda semua amatlah kami hargai.

Terima kasih!

Azlan Shah Nabees Khan
CEO, ARBA Foundation

MATLAMAT

BEBAS BELENGGU KEMISKINAN

Matlamat ARBA Foundation adalah untuk membebaskan kanak-kanak daripada belenggu kemiskinan dalam satu generasi.

2019 -
2021

RM1,460,415

**JUMLAH SUMBANGAN
DIAGIHKAN**

10

BILANGAN PROJEK

12,806

BILANGAN INDIVIDU DIBANTU

2,561

BILANGAN KELUARGA DIBANTU

44,505

BILANGAN PENYUMBANG

95

BILANGAN SUKARELAWAN

120

BILANGAN FUNDRAISERS

14

BILANGAN NEGERI



PRINSIP

Tulus - *Genuine*
Mengakar - *Rooted*
Berkesan - *Impactful*

MODEL OPERASI



Setiap projek ARBA Foundation adalah berteraskan data dan penyelidikan.



Sumber dana dan daya dikumpulkan berdasarkan keperluan.



Projek yang dilaksanakan hendaklah memberikan impak (*Impact Driven*).



**PROJEK
SUSU IBU**

2019

DATA & REKOMENDASI

1 daripada 5 kanak-kanak di Malaysia adalah terbantut.

(Data daripada The National Health and Morbidity Survey, UNICEF, Bank Dunia)

Rekomendasi:

Penyusuan susu ibu secara eksklusif untuk tempoh 6 bulan pertama.

Kerjasama:



1. Universiti Sains Malaysia (USM)
2. Malaysian Breastfeeding Peer Counselor (MBfPC)
3. District of Hulu Langat Breastfeeding Support Group
4. Ministry of Health (MOH)
5. Persatuan Pembimbing Ibu Menyusu Malaysia (MBfPCA)
6. Persatuan Sokongan Penyusuan Susu Ibu Hulu Langat
7. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Hulu Langat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Jumlah dana yang diperuntukkan:

RM 250,000

OPERASI






PORTAL

ARBA Foundation membangunkan portal khas bagi menguruskan projek ini secara atas talian. Setiap pembimbing bertauliah akan dipadankan dengan ibu di dalam portal ini.

Maklumat peribadi ibu, persetujuan temu janji, pengumpulan data dan pemantauan perkembangan dilakukan di dalam portal tersebut secara atas talian.



Multiple Stakeholders Approach in Community Breastfeeding Support Intervention for B40 Mothers

Multiple stakeholders approach explains how we can leverage different potential, working together in achieving common goals. This monograph describes when to collaborate in making an intervention for B40 community a true success. Knowing and performing each stakeholder role in a well-mannered coordination is the key to attain the project outcome without compromising any interest. Community activists and entrepreneurs can easily duplicate or adapt this methodology in planning for any mass project to achieve their targets. This monograph is a suitable read for undergraduate and postgraduate students, non-governmental organizations members and activists, entrepreneurs, community leaders as well as stakeholders.

Multiple Stakeholders Approach in Community Breastfeeding Support Intervention for B40 Mothers

Multiple Stakeholders Approach in Community Breastfeeding Support Intervention for B40 Mothers

Zaharah Sulaiman | Azlan Shah Nabees Khan | Tengku Alina Tengku Ismail



PANDEMIK COVID-19

Sewaktu seramai **40 orang ibu** sedang mendapatkan bimbingan dan bantuan, negara dikejutkan dengan penularan wabak Covid 19 dan PKP. Ini menyebabkan sasaran untuk mencukupkan jumlah 500 orang ibu dan bayi yang dibantu sebelum 1 Mei 2020 terpaksa ditangguhkan. Kami tidak mendapat akses untuk menjalankan lawatan bimbingan di semua Klinik Kesihatan dan rumah para ibu.


Selepas berakhirnya PKP 3.0 pada Oktober 2021, Projek Susu Ibu diteruskan semula dengan sedikit perubahan pada model pelaksanaan. Bimbingan penyusuan dan bantuan terpaksa dijalankan secara atas talian sehingga April 2022.

Terkini, bimbingan penyusuan secara fizikal telah dimulakan di Kelantan semenjak June 2022.



— Poster sosial media

IMPAK



41

PEMBIMBING PENYUSUAN



62

BILANGAN IBU DIBIMBING



25

KLINIK KESIHATAN TERLIBAT

(SETAKAT 31 DISEMBER 2021)

BANTUAN TAMBAHAN BAGI IBU YANG BERADA DI DALAM KEADAAN DAIF

Daripada lawatan bimbingan yang dijalankan oleh pasukan pembimbing penyusuan, kami menemui beberapa orang ibu yang sedang menanti hari untuk melahirkan anak, namun berada dalam keadaan yang daif dan tidak kondusif untuk menerima kelahiran dan menyusukan bayi mereka. Antara ibu tersebut merupakan Puan Q, di Daerah Hulu Langat.

ARBA Foundation dengan **sumbangan orang ramai** telah **berjaya membersihkan dan mengubah suai rumah Puan Q**. Dua orang anak Puan Q yang tidak ke sekolah dan pra-sekolah, telah didaftarkan ke sekolah dan tadika swasta. Yuran penuh untuk tempoh setahun telah dibayarkan dan semua kelengkapan persekolah seperti baju beruniform, alat tulis dan buku-buku yang berkaitan telah disediakan.

Jumlah bantuan yang disalurkan:

RM 9,990



PROJEK BANTUAN BINA RUMAH PUAN Q _____



A close-up photograph of a newborn baby crying. The baby's face is the central focus, with its eyes squeezed shut and its mouth open in a cry. The baby is wearing a white hospital gown. A person's hands are visible, gently holding the baby's hands. The background is blurred, showing the person holding the baby, likely a nurse or doctor, wearing a white uniform with blue stripes on the sleeve. The overall lighting is soft and warm.

**MALAYSIAN
PARENTING
FORUM**

2019

OBJEKTIF

Penganjuran **Malaysian Parenting Forum 2019** merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan kesejahteraan keluarga dan kepentingan pendekatan keibubapaan yang baik bagi membina generasi masa depan yang lebih sihat, cerdas dan berakhlak.

Forum ini telah membincangkan topik-topik yang penting di dalam aspek keibu bapaan bersama barisan speaker yang pakar dan berpengalaman luas.

ARBA
The Parenting Forum

Malaysian Parenting Forum 2019

2 November 2019 (Sabtu), 9 pagi – 5 petang
Dewan Wawasan, Menara PGRM Cheras, Kuala Lumpur

Harga Perdana
Harga Early Bird (dibayar di hadapan)
Harga Normal

RM 125/pax
RM 150/pax

Nursery disediakan untuk anak-anak dengan pelbagai aktiviti berbeza mengikut usia.
RM10/orang (2-3 tahun, 4-6 tahun, 7-9 tahun).
Bilik Ibu Brothers room disediakan bagi ibu yang membawa anak di bawah usia 2 tahun.

Daftar di www.mpf2019.com

The poster features a dark blue background with a Malaysian flag at the top. It displays the event title, date, and location. Below this, there are ten circular portraits of the speakers, each with a name and title underneath. The bottom section contains pricing information and a registration link.

Jadual Malaysian Parenting Forum 2019

8.00 - 9.00 am	Pendaftaran Peserta
9.00 - 9.30 am	Pembukaan Program - En Aidan Shah
9.30 - 9.30 am	Sesi 1: Pembinaan Keluarga - Datin Dr Hafina
9.35 - 9.55 am	Sesi 2: Kehamilan & Kafahaman - Dr Tan Ee Ping
10.00 - 10.20 am	Sesi 3: Penyusuan & Pemakanan - Dato' Dr Sulayahatun
10.25 - 11.00 am	Forum + Q&A - Datin Dr Hafina, Dr Tan & Dr Sulya
11.05 - 11.25 am	Sesi 4: "Play Matters" - Dr Pusi Afzan Maria
11.30 - 11.50 am	Sesi 5: Didikah Dari Hati - Ti Hj Pahrol
11.55 - 12.55 pm	Sesi 6: Anak Lelancar Cakap - Pn Aishah Kassim
12.20 - 12.55 pm	Forum 2 + Q&A - Dr Putri, Ti Hj Pahrol & Pn Aishah
1.00 - 2.00 pm Rehat	
2.00 - 2.15 pm Persembahan	
2.20 - 2.40 pm	Sesi 7: Skin & Minda Anak - Dr Subashini
2.45 - 3.05 pm	Sesi 8: Internet & Jaja Anak - Pn Rosmawati
3.10 - 3.30 pm	Sesi 9: Perlindungan Anak - Dr Farah Nira
3.35 - 4.10 pm	Forum 3 + Q&A - Dr Subashini, Pn Rosmawati & Dr Farah Nira
4.15 - 6.30 pm	Cabutan Bertuah
4.30 - 4.45 pm	Penutup: 10 Take-Home Messages

ARBA
The Parenting Forum

The schedule poster has a dark blue background with a Malaysian flag at the top. It lists the time slots and topics for each session of the forum. The speakers' names are listed next to their respective sessions. The bottom of the poster features the ARBA logo.

A wide-angle photograph of a large, modern indoor event space. The room has a high ceiling with recessed lighting and purple ambient lighting along the top edges. The floor is made of light-colored wood. In the center, there is a stage with a purple backdrop and a screen. The audience is seated in rows of white chairs, facing the stage. The overall atmosphere is professional and organized.

900

JUMLAH PESERTA

50

SUKARELAWAN

MPF 2019 dilaksanakan dengan kerjasama Raudhatus Sakinah di Menara PGRM, Kuala Lumpur

IMPAK

Tahap kepuasan para peserta

7.5/10



“I loved the selection of all the speakers and topics presented in TED talk style. All points shared in concise manner”

“Content yang sangat padat dan sangat membuka mata dan menyentuh hati buat pasangan muda. Memang sangat memerlukan forum begini. Please sangat buat lagi tahun hadapan. Atau mungkin boleh tambah forum special untuk penjagaan hubungan pasangan suami isteri pula. Apapun sangat puas hati! Terima kasih ARBA!”

“All of the forum are very informative. Please do again next year. Probably can add longer time for each session.”

“Pendedahan mengenai parenting, memberi kesan/impak & kesedaran pada kami sebagai ibu & bapa untuk mendidik & menyediakan anak-anak untuk menghadapi masa akan datang”

“Ilmu yang menyeluruh, maksudnya panel yang dijemput menyentuh pelbagai aspek, dari segi makanan, kerohanian, pregnancy, membesarkan anak melalui play dan juga ilmu berkenaan hak kanak-kanak. lanya tak tertumpu kepada satu topik sahaja.”

“Kepelbagaian jenis tempat mengikut kategori peserta. Style yang santai.”

Dengan Kerjasama:



**PROJEK
INFAQ
RAMADHAN**



2020

MASALAH _____



97% tidak mampu membeli makanan berkhasiat untuk keluarga kerana **tidak mampu membeli makanan segar dan berkhasiat.**

- UNICEF



9 daripada **10** langsung tiada simpanan

- UNICEF




7 daripada **10** rakyat Malaysia yang bekerja sendiri tidak mempunyai simpanan untuk bertahan **walaupun hanya untuk tempoh sebulan**

- Jabatan Perangkaan Malaysia

PROJEK

Penerima terdiri daripada pekerja buruh, penjaja kecil, nelayan, peladang, penoreh getah, mengutip besi buruk, dan seumpamanya.



Jumlah dana yang telah diagihkan:

RM 338,025

DAPATAN

Infaq Ramadan



Bantuan One-off tidak mencukupi kerana mereka hilang punca pendapatan kerana pandemik Covid 19. Keluarga miskin tidak ada simpanan dan dibelenggu bebanan hutang yang tinggi.



Bantuan Keluarga Susah



Penerima menggunakan dana yang diberikan untuk membeli keperluan asas seperti makanan, ubat-ubatan, keperluan bayi dan anak-anak.



1,010
keluarga mendapat manfaat



5,050
individu telah dibantu

Dengan Kerjasama:



PROJEK BANTUAN KELUARGA SUSAH

2020




MASALAH _____

Analisa dapatan daripada Projek Infaq Berbuka Puasa 2020 mendapati sebahagian pemohon memerlukan bantuan jangka masa panjang. Pandemik COVID-19 dan PKP telah menyebabkan mereka terputus pendapatan, tidak mampu untuk membayar sewa rumah dan bil air dan elektrik yang tertunggak, terbeban dengan jumlah hutang yang tinggi, serta mengalami tekanan perasaan dan mental.

GOLONGAN PALING TERKESAN _____



Keluarga ibu tunggal



Keluarga yang mempunyai jumlah anak yang ramai



Keluarga yang terdapat pesakit yang ditimpa penyakit kronik dan juga ibu bapa atau anak-anak yang memegang kad OKU

PROJEK

Tiga teras operasi projek:



Bantuan wang tunai tidak bersyarat untuk tempoh enam bulan

Memberi kebebasan kepada semua penerima bantuan untuk berbelanja mengikut prioriti keperluan asas masing-masing yang berbeza.



Pengumpulan data corak perbelanjaan

Para penerima menghantarkan maklumat/resit perbelanjaan sebagai syarat untuk menerima bantuan bulan seterusnya.



Mengukur perkembangan kesejahteraan hidup

Kesejahteraan kewangan, kesihatan dan pendidikan setiap penerima bantuan adalah dipantau.

PENGENALAN PROJEK

Melalui aktiviti ziarah ini, kami dapat melihat sendiri bagaimana keluarga-keluarga susah ini berjuang untuk meneruskan hidup. Satu rumah pangsa kecil dihuni bersama tujuh hingga lapan orang anggota keluarga, terdiri daripada tiga generasi. Datuk, nenek, ibu, bapa dan anak-anak.

Kebanyakan bayi diberi minum susu pekat manis yang dicairkan, air sirap, teh atau air kosong. Manakala kanak-kanak pula tidak mendapat makanan yang berkhasiat.



Johor



Selangor



Melaka



Negeri Sembilan



Pahang



Perak



Terengganu




Kuala Lumpur




TABURAN PENERIMA BANTUAN BULANAN ARBA FOUNDATION

Bantuan RM450 setiap bulan



PROFIL PENERIMA BANTUAN



Jumlah individu : 651 


Jumlah kanak-kanak (bawah 18 tahun: 455 (70%))

Ketua isi rumah (Lelaki): 51 (49.51%)

Ketua isi rumah (Wanita): 52 (50.49%)

Jumlah dana yang diperuntukkan:

RM 257,700



REALITI DAN KESAN MASALAH KEWANGAN YANG DIHADAPI SEPANJANG PKP PADA TAHUN 2020



86.4%

Penerima bantuan telah berjaya memastikan :
Makanan berkhasiat yang mencukupi,
anak-anak terus kekal mengikuti
pembelajaran di sekolah dan sewa dan
bil utiliti bulanan berkaitan rumah
dibayar pada tempoh yang
ditetapkan bagi
mengelakkan mereka
dihalau keluar.



Dengan Kerjasama:



PROJEK BANTUAN KECEMASAN SABAH

2020



MASALAH

astro
70/2020

COVID-19: Pertambahan 70 peratus kes baharu, PRN Sabah cetus gelombang - Kajian

Astro Awani
Maj 30, 2021 06:20 MYT

Metro

UTAMA

Covid-19: PRN Sabah sumbang penularan gelombang ketiga [METROTV]

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah tidak menolak kemungkinan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah menyumbang kepada gelombang ketiga penularan Covid-19.

Beliau berkata, penganjuran PRN itu dilihat menyumbang kepada penularan kes apabila ada pihak yang tidak patuh prosedur operasi standard (SOP).

*Jika melihat kepada pilihan raya diadakan di New Zealand, tiada peningkatan ketara kes (gelombang) dilaporkan berlaku.

Asalamualaikum 10:43 AM

Puan maaflah mengganggu tp terpaksa.. 10:49 AM

Sekarang ni sy terkesan sngt2 sejak kawasan kami brada d zon Merah ndak dpt keluar pigi mana2 cari rezki... Apatah lg musibah banjir melanda d kawasan kami... Mohon sngat2 sy perlukan bantuan susu ni puan... Sbb suda seminggu tiada pendapatan langsung ndak tau mau d kais mn lg ni puan ini pun kehabisan susu suda..

10:53 AM

BANTUAN KEMANUSIAAN BAGI PENDUDU AKIBAT PANDEMIK COVID-19 10/19/2020 AS

BORANG INI ADALAH INISIATIF DARIPADA SEKUMPULAN ANAK MUDA bit.ly

Assalamualaikum tuan .. mnta maaf jka chat sy ni mnganggu .. ada sy chat d fb td , tp bantuan trlah d tutup . Tp sy trdesak tuan smpai dh x da segan silu untuk chat d whastapp .. dlu sy pernah d bantu oleh pihak tuan .. dan skrg , skali lg sy mnta jika boleh

Sy memohon sumbangan makanan untuk keluarga sy .. ?
Sy dh tak tau nak mohon d mna .. sy dh isi borang <http://bit.ly/bantuancovidssabah>

Tp smpai skrg blm ada respon . Bekalan makanan mngkin tgl untk 2 hari saja lagi , itu sy sdh jimat hnya mkn 1 hari 1 kali dlm 5ari ni .. sy tgu duit BPN 26/10

Lama nya . Sy bantu sgt 😞😞

Jika pihak tuan dpt mmbantu sy untuk beli beras sahaja pun sy bsyukur sgt .. dan jika sy sdh dapat bantuan dlm ms trdekat ni , nnt sy akan inform tuan spaya senang pihak tuan untuk mbatal kan pmohonan sy ni .. dan d berikan pd yg lbh layak .. hanya Allah sj dpt balas budi tuan .. 😊

11:47 AM

Saya tiada ic tuan dulu saya pegang pasport tapi jaminan bos Sekarang tiada sdh mati sdh itu pasport bos tarik sdh 3:09 PM

Laki saya pun tiada ic tuan jaminan bos juga tapi mati sdh pasport Dia pergi kerja kontrak tapi kna tngkap polis masa LMA sdh dlam lokap 6bulan dlam lokap 3:11 PM

Dulu sblum ptkb sy krja restorem cuci piring untuk kprluan saya sma anak2 MCM mkn dn susu tapi kna sruh sdh brhnti Oleh bos SBB kdla mrosot 3:14 PM



Tuan bagi bantuan untk org ic sja ka tuan? 3:26 PM

3:26 PM



RM 250 x 115 keluarga x One-Off

=

RM 28,750

Jumlah dana yang telah dagihkan

OPERASI



Bantuan secara atas talian. Pengesahan dilakukan melalui panggilan telefon dan WhatsApp.



Kerjasama dengan guru sekolah di kawasan pedalaman untuk mengagihkan bantuan kepada golongan yang tiada akses internet.



Terdapat keluarga-keluarga yang berkongsi bantuan dengan keluarga yang tidak dapat memohon. (Tiada dokumen lengkap dan akaun bank)

**Lebih 500 individu (115 keluarga)
mendapat manfaat.**

**Bantu memenuhi keperluan mendesak
terutamanya makanan dan keperluan asas
seperti keperluan bayi dan orang-orang
sakit.**

Dengan Kerjasama:





**PROJEK
BANTUAN
PERANTI**

2020



4 daripada 10 pelajar di Malaysia tiada peranti untuk meneruskan pembelajaran secara atas talian.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020



2 daripada 5 kanak-kanak dalam semua yang menjalani pembelajaran atas talian ini tidak mempunyai peralatan yang mencukupi. - UNICEF



3 ke 5 orang pelajar **berkongsi satu peranti**. - Survey ARBA Foundation

Assalamualaikum dan salam sejahtera tuan
Sy nak minta jasa baik dr pihak tuan utk bantu anak2 sy dlm mengikuti sesi online class. Hari ni ada 3 serentak online class life. H set 1 sj. Pas tu lap top anak yg Uitm tu dia guna utk online class 2:08 PM

Agak rumit. Sbb share 5 org. Ali ting 2 SMK Putra Sarah ting 1 SMK Derma Yusuf tahun 2 SRK Seri Indera Tariq tahun 1 SRK Seri Indera Adam Nawfal Pra sekolah SRK Seri Indera 2:11 PM

Mungkin ada pihak yg boleh membantu anak2 sy 2:11 PM

Tq 2:12 PM

Sama2..ada encik..tapi buat Masa ni dia x pernah lagi joint kelas online tu sbb sy berkerja..InsyaAllah..14 hb ni baru dia boleh belajar kelas online tu..sbb sy last keje 13hb ni..berhenti keje sementara sbb nak ajar anak joint kelas online 11:07 AM

memudahkan akak uruskan pdpr untuk 5 orang anak ni?

Akak pun x tau....mcm mana akak nak buat supaya kelima² ni dpt belajar online ikutasa yg tepat...tanpa perlu berkongsi atau mengikut giliran 10:27 AM

Kadang² kerja sekolah yg harini belum buat..yg semalam masih menunggu...anak² dh pening teemasuk mak² nj pun pening 10:28 AM

Kalau ada rezeki akak nak belikan hp sendiri khas utk anak sulong tanpa perlu campur dlm hp akak..sbb group dia banyak sangat dan cikgu dia mmg tegas sgt jika x daftar kehadiran atau x buat kerja sekolah 10:29 AM

Manakala yg lain...akak cariman ladtop secondhand..InsyaAllah..angan² dulu 😊 10:29 AM

Hp 2:04 PM

Jenis lama 2:04 PM

Tu pun sampai bergaduh 2:04 PM

Saya punya ne pun diguna kn untk klas online 2:05 PM

Setiap hari topup... 2:05 PM

Cuma mula hari isnin sampai sekarang ank x ikut kelas online 2:06 PM

Duit x ad nak topup 2:06 PM

Tapi saya dh maklum kn pada pihak sekolah mereka fhm dgn keadaan saya 2:06 PM

Ye betul.. 11:04 AM

Dia tengah cari kerja lain 11:04 AM

You
Walaikumsalam puan adibah, terima kasih kerana berkongsi maklumat perbelanjaan dengan kami.

Ye banyak pakai 11:04 AM

You
semoga dipermudahkan untuk puan sekeluarga.

Aminn 11:04 AM

Sekarang anak-anak belajar secara online di rumah lah ya? 11:26 AM ✓

You
Sekarang anak-anak belajar secara online di rumah lah ya?

Ye.. belajar online..susah pakai hp 11:54 AM

Ni pun terpaksa..nak beli tan atau tab memang tak mampu 11:54 AM

TERAS OPERASI PROJEK _____

- Bantuan diberikan secara **wang tunai bersyarat**.
- Pemohon **boleh menambah wang sendiri** untuk membeli peranti.
- Pemohon membeli peranti dan lampirkan bukti pembelian kepada pihak ARBA Foundation.



Jumlah dana yang telah diagihkan:

RM 37,500

IMPAK DAN OUTPUT

355

KANAK-KANAK MENDAPAT MANFAAT

86

UNIT PERANTI

Semua anak-anak di dalam keluarga jagaan ARBA Foundation pada tahun 2020 dapat mengikuti PdPR

Dengan Kerjasama:



PROJEK INFAQ RAMADHAN

2021

MASALAH

- Perlanjutan PKP sehingga ke bulan Mei.
- Data daripada Family on the Edge Isu 2 daripada UNICEF
 - i. Penurunan pendapatan isi rumah sejak PKP dilaksanakan.
 - ii. 4 daripada 10 isi rumah mempunyai pendapatan bawah RM 2000.
 - iii. Kadar pengangguran tinggi iaitu 1 daripada 2 orang dewasa tidak bekerja.

MUTAKHIR

5,000 kes baharu harian Covid-19 akhir Mei - KP Kesihatan



Oleh Nurul Hidayah Bahaudin dan Redzuan Muharam
am@hmetro.com.my



COVID-19: Statistik melonjak, Malaysia rekod 3,142 kes baharu, Selangor tertinggi

Astro Awani
April 28, 2021 09:56 MYT

SEMASA





PKP 3.0 bakal dilaksanakan di beberapa negeri... bazar Ramadan, sekolah akan ditutup, makan di restoran tak dibenarkan - Sumber

Ahod, 02 Mei 2021 12:25 PM

KOMUNITI NASIONAL TERKINI

Bazar Ramadan kawasan PKP di Selangor tutup mulai 8 Mei






Sumber: WhatsApp Pemohon Bantuan

Jumlah dana yang diagihkan:

RM 229,900

PROFIL PENERIMA



PROFIL PENERIMA



IMPAK DAN OUTPUT

513

KELUARGA MENDAPAT MANFAAT

2,565

INDIVIDU TELAH DIBANTU

Ini termasuklah **memenuhi keperluan asas** seperti makanan, keperluan bayi, orang sakit dan lain-lain.

Dengan Kerjasama:






**PROJEK
BENDERA PUTIH**

2021

DATA

- Lanjutan PKP 3.0
- Ramai kehilangan pekerjaan, wang simpanan telah habis digunakan dan tiada wang untuk membeli keperluan asas.
- Kenaikan bilangan kes bunuh diri kempen media sosial #benderaputih



Jumlah bantuan yang disalurkan:

RM 182,900

MASALAH

Assalamualaikum,minta maaf byk2,Sya ibu yg betul2 perlukan bantuan wlpun sekadar rm50 shja dri pihak Alba unk mbeli beras 5 kilo dan susu ank 😊

11:47 AM

Sya dri Tuaran Sabah,dekat 2 minggu sudah suami TDK boleh Kuar unk mcri org mjual besi buruk

11:48 AM

Kami sekeluarga sekadar mgambil sayur kangkung dibelakang rumah shj setakat ini.

11:49 AM



11:49 AM

Saya berniaga di rumah shja tuan jual2 kerpok2...kdg satu hari dpt rm5 kdg rm3 sehari kdg tkada yg beli...nnti Sya bagi tgk tuan jualan saya ya...saya ada 3 orang ank ...yg sulung berumur 6 thn ada sakit jantung berlubang Ank kedua 4 thn lebih

Ank yg paling kecil bby 9 bln

Sya juga ada sakit saraf@ sendi... Sakit porosis...dan kencing manis.... suami hnya berkerja ambil upah potong rumput dan buat rumah klo ada panggilan adala kerja nya tuan ...suami Sya bkn warganegara...suami pegang mm13 Sya shja tuan warganegara...?? Suami .yg byk bantu saya klo di rumah tuan sebab saya tak boleh byk buat kerja2 rumah dan angkat yg berat. Sebelum ne saya pernah tidak dpt berjalan tuan seakan lumpuh satu badan saya tuan syukuramduallah.tuan...skg saya bergantung mnum ubat saraf dan kencing manis dari hospital dan klinik

.terus terang saya katakan tuan ...saya ada mohon bantuan zakat untuk ank saya yg sulung bantuan zakat nya hnya selama 2 thn shja tuanrm300 Saya berharap agar pihak tuan dpt membantu saya beli susu pun syukur Alhamdulillah tuan

8:32 AM

area tuaran telipok ria 12:30 PM

blh sya memohon bantuan 12:33 PM

sya nor. blh ka sya meminta bantuan. suami sya tk dpt turun kerja sbp pkpb ni. tlg la sya tuan brpa brpa je seikhlas hati tuan

12:34 PM

boleh saya mohon bantuan,, sejak tidak bleh rentas daerah terputus suda pendapatan kami .. Suda 2 minggu tiada langsung pendapatan ini... Hidup sy ibarat kais pagi makan pagi, Sblm ni kerja hanya punggut besi buruk sj... Mohon sngt2 tuan Inipun kehabisan makanan suda. 🙏🙏🙏

12:34 PM

mohon sngt2 tuan, brpa brpa je seikhlas hati tuan 🙏🙏🙏

12:42 PM

OPERASI



Tempoh masa projek berjalan adalah **sepanjang satu bulan**.
Permohonan melalui borang secara atas talian.
Saringan melalui panggilan video, suara dan mesej di WhatsApp.
Pembayaran dibuat dalam masa 72 jam.

#DiariPemohon

**"Saya
merasakan
seperti tiada
harapan dan
buntu sangat..."**

#DiariPemohon

"Saya hilang pekerjaan sedangkan saya ada komitmen yang perlu dibayar seperti bil motor, rumah dan lain2. Oleh kerana itu saya memulakan perniagaan kek batek tetapi tidak cukup untuk membayar sewa rumah yang sudah tertangguh 3 bulan dan motor sehingga surat warant penarikan telah dikeluarkan. duit simpanan & kwsp telah habis digunakan untuk membantu parents menyelesaikan tanggungan & hutang yang terdahulu. Saya sudah berusaha mencari pinjaman dengan kenalan tetapi tiada yang boleh membantu disebabkan kemerosotan kewangan ekonomi masing2. Saya sudah mencari pinjaman ke merata tetapi tiada yang boleh membantu. Saya merasakan seperti tiada harapan & buntu sangat2..."


#DiariPemohon

"Saya dan suami tidak mempunyai pekerjaan... kami hanya peniaga kecil kecilan yg hanya menumpang dengan kawan kawan.. pendapatan kami sehari rm30 bersih.. jika tuan dan puan menghulurkan bantuan saya ingin memohon bantuan sedikit kewangan untuk menambah pembayaran sewa rumah dan untuk barangan harian anak2 kecil saya.. sewa rumah kita rm600 dgn hasil pendapatan kita tidak mencukupi untuk bayaran sewa bulan kali ini... saya juga mempunyai anak kembar dan bayi 6 bulan yg masih menyusu dan pampers... kami juga ada tunggakkkan bil a selama 5 bulan.. dan salah seorang anak kembar saya juga mempunyai jantung berlubang mereka juga masih menggunakan susu dan pampers..."


**JUMLAH TABURAN
PENERIMA SUMBANGAN
#BBP MENGIKUT NEGERI**



JULAT PENDAPATAN PENERIMA BANTUAN



STATUS PERKAHWINAN PENERIMA BANTUAN



IMPAK DAN OUTPUT

716

KELUARGA MENERIMA BANTUAN

2,864

INDIVIDU YANG TELAH DIBANTU

Bantuan memenuhi keperluan asas, makanan, keperluan bayi, orang sakit, sewa dan bil utiliti.

Dengan Kerjasama:






PROJEK BANTUAN FRONTLINERS

2021

DANA DAN PROJEK _____

Berhubung terus dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah, Hospital, Pusat Penilaian Covid 19 (Covid Assessment Centre (CAC))



Jumlah bantuan yang disalurkan:

RM 13,600

IMPAK DAN OUTPUT

1 HOSPITAL
2 CAC
96 PETUGAS
bantuan selama 3 minggu

Bantuan termasuk makanan untuk frontliners, keperluan hospitaliti pesakit dan keperluan hospital/CAC

Dengan Kerjasama:

yezza





**PROJEK BANTUAN
KELUARGA SUSAH 2.0**

2021

DATA

1. Projek ini berkesinambungan daripada Projek Infaq Ramadhan 2021 dan Projek Bendera Putih
2. Sebahagian penerima bantuan mengadu mereka mengalami masalah kesihatan mental akibat PKP

Data dari Januari sehingga Jun seperti dibawah:

48%

mengalami masalah anxiety

-Dapatan kajian oleh Sunway
Univeristy terhadap pelajar
univerisiti

44%

mengalami masalah depresi

465

cubaan membunuh diri

* pesakit menerima rawatan di hospital
kerajaan dilaporkan oleh Kementerian
Kesihatan Malaysia.

- Laporan dari KKM

Jumlah dana yang telah diagihkan:

RM 112,050

PROJEK

Tiga teras operasi projek:



Bantuan wang tunai tidak bersyarat untuk tempoh enam bulan

Memberi kebebasan kepada semua penerima bantuan untuk berbelanja mengikut prioriti keperluan asas masing-masing yang berbeza.



Pengumpulan data corak perbelanjaan


Para penerima menghantarkan maklumat/resit perbelanjaan sebagai syarat untuk menerima bantuan bulan seterusnya.




Mengukur perkembangan kesejahteraan hidup

Kesejahteraan kewangan, kesihatan dan pendidikan setiap penerima bantuan adalah dipantau.

PROFIL PENERIMA BANTUAN




Pekerjaan Pemohon




Pekerjaan Pasangan


Jumlah tanggungan: **218 tanggungan**
(Max:10 Min:2 Average: 5)



Julat Pendapatan Isi Rumah




Jenis Bantuan Lain




Tunggakan & Hutang

KESIHATAN



Penghidap Penyakit Kronik



Pasangan Menghidap Penyakit Kronik

TARAF HIDUP

KAWASAN KEDIAMAN

24

Keluarga - Bandar

18

Keluarga - Luar Bandar

JENIS RUMAH

12

Flat

10

Teres

14

Rumah Kampung


4


Setinggan

1

Rumah Kedai

PEMILIKAN RUMAH





IMPAK DAN OUTPUT

42

KELUARGA MENDAPAT MANFAAT UNTUK 6 BULAN

210

INDIVIDU TERKESAN

97.6%

INDIVIDU DAPAT MENERUSKAN HIDUP

“Apakah yang dimaksudkan dengan meneruskan kelangsungan hidup?

Mereka mempunyai rumah untuk berteduh dan tidak dihalau, dapat menyediakan makanan untuk keluarga dan boleh menghantar anak-anak ke sekolah. Bantuan ini juga dapat serba sedikit menampung kos perubatan bagi keluarga yang mempunyai penyakit kronik”

CORAK PERBELANJAAN

Makanan & Keperluan: 60.2%

- a. Makanan Kering: 13.9%
- b. Makanan Basah: 16.3%
- c. Lain-lain Keperluan Keluarga: 30%

Sewa Rumah: 16%

Utiliti: 10.6%

Modal Berniaga: 1.9%

INSURAN

Keluarga yang telah mendapat latihan pengurusan kewangan dan perlindungan takaful.



Dengan Kerjasama:



FWD
takaful



PENILAIAN PENERIMA BANTUAN ARBA FOUNDATION

Testimoni & Rating:
4.8/5



“Syukur Alhamdulillah.. terima kasih banyak ARBA yg membantu kami sekelurga. Pihak ARBA telah memberi bantuan bulanan dan membeli handfon utk anak2 saya belajar secara online. Semoga pihak ARBA diberkati Allah, dilimpahi rezeki dan dipermudahkan segala urusan. Aamiin.”

“Alhamdulillah, team dari ARBA sangat komited membantu mereka bukan sahaja membantu mereka sama-sama turun padang datang ke rumah penerima bantuan melihat sendiri keadaan penerima serta mereka memberi sokongan moral daripada mereka”

“Alhamdulillah syukur..terima kasih ya Allah. Pihak ARBA sangat membantu keluarga saya dan sentiasa mengambil berat. Terlampau banyak budi pihak anda pada kluarga saya. Saat saya susah makan bercatu ada bantuan dari pihak anda.. Orang2 yang peramah dan lembut tutur kata.. Tak rasa segan nak kongsi masalah.. Anak2 pun alhamdulillah dapat belajar dengan lebih baik dengan bantuan yang pihak ARBA bagi. Semoga Allah lindungi kamu semua dan diberikan kesihatan yang baik...”

“..dapat bantu saya membayar hutang ambik keperluan makanan di kedai dan anak dapat mengikuti pembelajaran atas talian dgn bantuan di terima”

“Dgn bntuan dri arba,ia sedikit sbyk dpt meringnkan beban keluarga saya.ank2 dpt mkn yg cukup dan tidak lgi minum susu pekat manis.dan juga dpt membeli brg2 dapur yg secukupnya.dgn bntuan ni jga kuarga saya tdk lgi kais pgi mkn pgi kais ptg mkn ptg.”

“...Dengan bebanan hutang bnyak, lepas saya dpt bntuan arba, sy mula berniaga online dri bwah.. Smpai laa skrg alhamdulillah walaupun sale saya sikit tapi untuk keperluan ank2 sy dpt bagi... Dngan bntuan arba juga, dpt sy langsaikan hutang skit2.. Alhamdulillah.. Sy berharap pihak arba terus membantu org yg ssh..”

KERJASAMA & PENDUKUNG ARBA FOUNDATION



KERJASAMA DAN PENDUKUNG

Universiti Sains Malaysia (USM), Ministry of Health (MoH), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat & Petaling, **Breastfeeding Support NGOs**, FWD Takaful, Affin Islamic Bank Berhad, Institute of Islamic Banking & Finance (IIBF), **International Islamic University Malaysia (IIUM)**, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC)**, Pejabat Khidmat Dun Dusun Tua, Hulu Langat, **Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Hulu Langat**, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), **Yayasan Hasanah - Khazanah Nasional**, Tiga Talk, **Persatuan Suri Rumah Rahmah**, Kinder Kaizen.

Media:



ARBA



FOUNDATION


ARBA Foundation

K-3-01, Conezion,
Persiaran IRC3, IOI Resort City,
62502, Putrajaya

 ARBA Foundation

 @arbafoundation

  +60 19 452 6290

 www.arbafoundation.com

 @arbafoundation1

 @arbafoundation